



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI 12 (19 MAC – 25 MAC 2023)**

Pada Minggu Epidemiologi ke-12 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,469 kes berbanding 2,151 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 318 kes (14.8%). Satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-12 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 26,222 kes berbanding 8,124 kes bagi tempoh sama tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 18,098 (222.8%). Manakala sebanyak 17 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding empat (4) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 13 kematian.

Sebanyak 81 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 91 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 52 lokaliti hotspot di Negeri Selangor, 15 lokaliti hotspot di Pulau Pinang, enam (6) lokaliti hotspot di Sabah, empat (4) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya, tiga (3) lokaliti hotspot di Perak dan satu (1) lokaliti hotspot di Kedah.


Survelan chikungunya merekodkan sebanyak satu (1) kes pada minggu ke-12. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 107 kes. Bagi surveyan

zika, sebanyak 600 sampel darah dan empat (4) sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Susulan peningkatan kes denggi di Malaysia, Jawatankuasa Kabinet Menangani Denggi telah diaktifkan semula dan satu mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 28 Mac 2023. Jawatankuasa ini melibatkan 12 kementerian, semua pejabat Menteri Besar dan Ketua Menteri, serta Jabatan Wilayah Persekutuan dalam penentuan dasar dan strategi pencegahan dan kawalan denggi di Malaysia.

Setiap lapisan masyarakat perlu mengambil tanggungjawab dan bertindak secara proaktif dalam usaha membantu mengurangkan kejadian kes demam denggi yang sedang meningkat ketika ini. Pemimpin setempat, Jawatankuasa Penduduk, Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Board – JMB*), ahli Rukun Tetangga atau pihak berwajib juga diminta menggerakkan komuniti untuk melakukan aktiviti Cari dan Musnah pemberian nyamuk *Aedes* secara berjadual. Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan syarikat swasta turut digalakkan untuk menyokong inisiatif kawalan dan pencegahan secara berjadual. Lakukan aktiviti gotong-royong bagi membersihkan persekitaran premis dari tempat pemberian nyamuk *Aedes*. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**


**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**31 Mac 2023**




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam tenggi minggu ke-11 dan ke-12 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam tenggi sehingga minggu ke-12 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan Demam Denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-12 tahun 2023**

NEGERI	KES DENGGI			KEMATIAN DENGGI		
	2023	2022	%	2023	2022	%
Selangor	13,510	5,546	<b>143.6</b>	2	0	<b>200</b>
Sabah	2,685	454	<b>491.4</b>	4	1	<b>300</b>
WPKL & Putrajaya	2,430	655	<b>271.0</b>	0	0	-
P. Pinang	2,113	100	<b>2013.0</b>	4	0	<b>400</b>
Johor	1,758	295	<b>495.9</b>	2	0	<b>200</b>
Kedah	943	196	<b>381.1</b>	0	0	-
Perak	774	146	<b>430.1</b>	0	0	-
N. Sembilan	762	260	<b>193.1</b>	2	1	<b>100</b>
Kelantan	414	67	<b>517.9</b>	1	1	-
Pahang	228	92	<b>147.8</b>	0	0	-
Melaka	213	135	<b>57.8</b>	0	0	-
Sarawak	161	154	<b>4.5</b>	0	1	<b>-100</b>
Perlis	124	6	<b>1966.7</b>	1	0	<b>100</b>
Terengganu	74	13	<b>469.2</b>	1	0	<b>100</b>
WP Labuan	33	5	<b>560.0</b>	0	0	-
<b>Malaysia</b>	<b>26,222</b>	<b>8,124</b>	<b>222.8</b>	<b>17</b>	<b>4</b>	<b>325</b>

**Jadual 1: Bilangan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-12 tahun 2023 dan tempoh yang sama tahun 2022**